

**SENI CETAK DI MALAYSIA DALAM ERA  
PLURALIS: DARI TAHUN 1990 SEHINGGA 2010**

**MOHD FAWAZIE BIN ARSHAD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**SENI CETAK DI MALAYSIA DALAM ERA  
PLURALIS: DARI TAHUN 1990 SEHINGGA 2010**

**oleh**

**MOHD FAWAZIE BIN ARSHAD**

**Tesis Diserahkan Untuk  
Memenuhi Keperluan Bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Mei 2023**

## **PENGHARGAAN**

*Bismi-Allah ar-Rahman ar-Rahim.*

Syukur alhamdulillah kehadrat Allah Subhannallah Taala yang memberi limpah kurnia-Nya serta dengan izin-Nya juga kajian ini akhirnya terlaksana. Diharap kajian ini dapat membantu pelbagai pihak untuk bersama-sama memperolehi manfaatnya. Jutaan terima kasih ini ditujukan terutama kepada Dr. Mohammad Khizal bin Mohamed Saat, selaku penyelia yang banyak meluangkan masa dalam memberi bimbingan, panduan, komentar serta cadangan yang membina sehingga kajian ini dapat direalisasikan. Sekalung penghargaan juga buat Prof. Madya Dr. Sarena Binti Abdullah, selaku Dekan Pusat Pengajian Seni, yang banyak membantu dalam memberi bimbangan dan komentar bagi menyempurnakan kajian ini.

Terima kasih juga buat semua karyawan-karyawan seni tampak yang terlibat dalam kajian ini terutama kepada Juhari Said, Loo Foh Sang, Dr Jamil Mat Isa, Samsudin Wahab, Faizal Suhif, Prof Madya Rahman Mohammed, Dr Adzman Omar, Ahmad Noor Rashidi Salleh, Zul Husni, Sabihis Apandi, Hazrul Mazran dan Mohd Fadli Mokhtar atas segala kerjasama dan bantuan yang diberikan sehingga kajian ini dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Sekalung penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Perpustakaan Balai Seni Lukis Negara, Galeri Petronas, Galeri Hom Art Trans, Muzium dan Galeri USM, Studio Chetak 12 dan Perpustakaan Tun Abdul Razak yang telah mengizinkan dokumennya dirujuk dan difotokopikan.

Buat isteri tersayang Noriyah bt Md Noor terima kasih kerana sabar dan memahami serta banyak membantu dalam memberi cadangan serta kritikan yang membina. Buat kesayangan *abah*, Muhammad Saufi Qayyum, Muhammad Darwish

Qayyum dan Nur Irdina Sofia, kesabaran kalian memberikan *abah* semangat untuk menyempurnakan kajian ini. Buat arwah ayahanda Arshad bin Hashim dan ibunda Selasiah bt Mat Rashid serta semua kaum keluarga iringan doa kalian membolehkan kajian ini dapat direalisasikan. Buat mertua Ibunda Che Meryam binti Adin terima kasih kerana memahami. Tidak lupa juga buat rakan-rakan sekerja yang memberi sokongan dan galakkan, terutama Dr. Ishak Ramli, Noor Azizan Paiman, Noor Enfendi, Noor A'yunni, Nur Adibah Nadiah dan Dr Syed Alwi.

*Walhamduli-ALLAH-Rabb al 'alamain.*

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI PLAT .....</b>	<b>xii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1    Latar Belakang .....	1
1.2    Permasalahan Kajian .....	4
1.3    Objektif Kajian.....	8
1.4    Persoalan Kajian.....	8
1.5    Batasan Kajian .....	9
1.6    Kaedah Kajian.....	10
1.7    Kepentingan Kajian.....	11
<b>BAB 2 KAJIAN LAMPAU .....</b>	<b>13</b>
2.1    Pengenalan .....	13
2.2    Pemahaman Seni .....	13
2.3    Definisi Cetakan.....	15
2.3.1    Seni Cetak Konvensional .....	18
2.3.2    Cetakan Kontemporari atau Alternatif .....	24
2.3.3    Sejarah Cetakan Dunia .....	26
2.4    Sejarah Seni Cetak .....	35
2.4.1    Jenis Seni Cetak .....	35
2.4.1(a)    Cetakan timbul .....	35
2.4.1(b)    Cetakan benam .....	38
2.4.1(c)    Cetakan Planografi atau Lithography .....	40
2.4.1(d)    Cetakan Sutera Saring atau Stansil.....	42
2.4.2    Penulisan <i>Proofing</i> atau <i>Numbering</i> dalam penghasilan karya seni cetak sebelum era pluralis .....	44

2.4.2(a) <i>Trial Proof</i> (TP).....	44
2.4.4(b) <i>State Proof</i> (SP).....	46
2.4.4(c) <i>Artist Proof, Printer Proof, Prueba de Artista or Epreuve d'artist</i> (AP/PP) .....	48
2.4.4(d) Edisi .....	51
2.4.4(e) <i>Bon a Tirer</i> (BAT)/ <i>Ready to Print</i> (RTP), <i>Good to Print/Pull, Okey-to-Print and perfect Print</i> .....	53
2.4.4(f) <i>Unique Print (U.P), Unique State (U.S) dan Variable Edition (V.E)</i> .....	56
2.4.4(g) Open Edition Print O / OE .....	58
2.4.4(h) Hors de Commerce/ not for sale HC.....	59
2.4.4(i) Cancellation Print (CP) .....	61
2.4.4(j) Monoprint or Monotype.....	63
2.5 Era pluralis .....	64
2.6 Karya dan pameran seni cetak dari konteks penghasilan selepas penularan era pluralis di Malaysia. ....	69
2.6.1 Perkembangan penghasilan karya oleh pengkarya yang bergiat aktif dalam penghasilan karya cetakan era pluralis terhadap karya konvensional dan alternatif .....	70
2.6.1(a) Juhari Said .....	70
2.6.1(b) Abdul Mansoor Ibrahim.....	72
2.6.1(c) Jamil Mat Isa .....	74
2.6.1(d) Samsudin Wahab .....	76
2.6.1(e) Faizal Suhif.....	78
2.6.1(f) Stephen Menon .....	79
2.6.1(g) Sabihis Apandi .....	81
2.6.2 Pameran ekplorasi yang menggunakan ciri-ciri era pluralis .....	82
2.6.2(a) <i>Alternative Printmaking 1995</i> .....	82
2.6.2(b) Pameran ‘I Printed the Blue Frog’ .....	82

2.6.2(c) Pameran <i>Go Block</i> .....	85
2.6.2(d) Pameran PIPE (Penang International Print Exhibition) 2010 .....	93
2.7 Kesimpulan .....	96
<b>BAB 3 METHODOLOGI .....</b>	<b>97</b>
3.1 Pengenalan.....	97
3.2 Pengumpulan Data.....	100
3.3 Analisa Kajian .....	103
3.2.1 Analisa Dokumen (Katalog-Katalog Pameran, Karya-Karya Cetakan Dan Seni Cetak) .....	103
3.2.2 Pemerhatian Dan Kajian Lapangan .....	104
3.2.3 Temu Bual .....	107
3.2.4 Fizikal Artifak .....	109
3.4 Justifikasi pemilihan Sampel Kajian. ....	109
3.4.1 Ahli Akademik .....	110
3.4.1(a) Dr Azian Tahir.....	111
3.4.1(b) Dr Hamidi Abd Hadi .....	112
3.4.2 Pelukis Profesional .....	112
3.4.3 Pengkaji/ Penyelidik Seni Cetak .....	113
3.5 Analisa Data .....	114
3.5.1 Analisa Data Temu Bual Dan Dokumen .....	114
3.5.2 Analisa Data Pemerhatian .....	115
3.6 Kaedah Analisis.....	116
3.7 Kerangka kajian.....	120
3.8 Senarai Data Karya Kajian.....	122
<b>BAB 4 ANALISIS KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN.....</b>	<b>125</b>
4.1 Pendahuluan.....	125
4.2 Faktor Perkembangan Seni Cetak di Malaysia dalam menyelusuri kepada Era Pluralis.....	126

4.2.1	Faktor Perkembangan permulaan Seni cetak melalui Institusi Pendidikan Negara.....	126
4.2.2	Inisiatif Kerajaan Dalam Mengembangkan Ilmu Pengetahuan .....	129
4.2.3	Perkembangan melalui Galeri hasil daripada pameran dan pertandingan .....	133
4.2.3(a)	Pameran dan Pertandingan Seni Cetak – 1991.....	133
4.2.3(b)	Pameran dan Pertandingan Anjuran Balai Seni Lukis Negara dan Galeri Shah Alam – 1992 .....	135
4.2.3(c)	Pameran dan Pertandingan – 1993 .....	136
4.2.3(d)	Pameran Solo dan Pertandingan – 1994 .....	136
4.2.3(e)	Pameran di Tiga Galeri – 1995.....	137
4.2.3(f)	Pameran dan Pertandingan – 1996 .....	138
4.2.3(g)	Pameran kumpulan Grafika dan Pertandingan Bakat Muda Sezaman 1997.....	139
4.2.3(h)	Pameran Solo Ilse Noor – 1998.....	139
4.2.3(i)	Pameran terbuka – 1999.....	139
4.2.3(j)	Pameran terbuka Shah Alam – 2000.....	140
4.2.3(k)	Pertandingan Tanjung Haritage – 2001 .....	140
4.2.3(l)	Pameran Solo Ilse Noor – 2002.....	141
4.2.3(m)	Pameran Alternatif dan Kumpulan – 2004.....	141
4.2.3(n)	Pameran Luar Lembah Klang – 2007 .....	141
4.2.3(o)	Pameran Berkumpulan – 2009 .....	142
4.2.3(p)	Pameran Sekitar Pulau Pinang – 2010 .....	142
4.2.4	Pengumpul Seni .....	142
4.3	Menginterpretasi karya seni cetak dalam era pluralis di Malaysia berdasarkan adaptasi gabungan Teori <i>Style</i> oleh Panofsky dan Meyer Schapiro .....	143
4.3.1	Power I - Zulkifli Yusoff .....	144
4.3.2	Chew Teng Beng .....	146

4.3.3	Glory - Ponirin Amin .....	148
4.3.4	D.I.Y – Bahaman Hashim .....	149
4.3.5	The link Up - Long Thien Shih .....	150
4.3.6	Monument from the Sea II - Romli Mahmood .....	152
4.3.7	Dalam Seminit Siri III – Mohd Suhaimie Tohid .....	153
4.3.8	<i>The Dream of Medicine Man</i> oleh Ahmad Fuad Osman .....	154
4.3.9	Ungu Berbauj Kurung oleh Juhari Said.....	157
4.3.10	Si Tampok Manggis #8 – Jamil Mat Isa .....	160
4.3.11	<i>Flying Up</i> – Loo Foh Sang .....	162
4.3.12	Katak Hendak Menjadi Lembu – Juhari Said .....	164
4.3.13	<i>The Grand Happy Day</i> – Loo Foh Sang .....	166
4.3.14	Pameran Samudera – Istana Ajaib – Ilse Noor .....	167
4.3.15	Peribahasa – Hazrul Mazran .....	169
4.3.16	Pameran <i>I Paint a blue Frog</i> .....	171
4.3.17	Pameran ‘ <i>Go Block</i> ’.....	173
4.3.17(a)	Izan Tahir .....	173
4.3.17(b)	Kim Ng.....	175
4.3.17(c)	Shahrul Jamili.....	176
4.3.17(d)	Juhari Said.....	177
4.3.17(e)	Zulkifli Yusoff.....	179
4.3.18	Pameran Aternatif (Ketumbukan).....	180
4.3.18(a)	Rosmasnisa Mat Desa .....	180
4.3.18(b)	Nadia Ahmad Kamal.....	182
4.3.18(c)	Yim Yen Sum.....	183
4.3.18(d)	Chong Kean Foong .....	185
4.3.18(e)	Abdul Mansoor Ibrahim.....	186
4.3.18(f)	Ahmad Noor Rashidi Salleh.....	188

4.3.18(g) Faizal Suhif .....	189
4.3.18(h) Ishak Ramli.....	190
4.3.18(i) Mohd Fadli Mokhtar .....	192
4.3.18(j) Khairul Zikri Abdullah.....	193
4.3.18(k) Noriza Arzain .....	195
4.3.18(l) Samsu Mohamad .....	196
4.3.18(m) Kim Ng.....	197
<b>BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN.....</b>	<b>199</b>
5.1 Ringkasan Dapatan Kajian .....	199
5.1.1 Faktor Perkembangan Era Pluralis dalam Penghasilan karya Cetakan .....	201
5.1.1(a) Ilmu Pengetahuan .....	201
5.1.2(b) Institusi Pendidikan Tinggi .....	202
5.1.3(c) Galeri .....	202
5.1.3(d) Pengumpul Seni .....	203
5.1.2 Pengklasifikasi karya seni cetak yang mendokong kepada era pluralis merangkumi pendekatan kepada teknik, media dan tema yang digunakan oleh pengkarya seni cetak. ....	203
5.1.2(a) Monotype Dan Monoprint.....	204
5.1.2(b) Cetakan Digital .....	204
5.1.2(c) Cetakan Acuan.....	205
5.1.2(d) Cetakan Media Campuran dan Hibrid .....	205
5.1.2(e) Cetakan Ukuran .....	206
5.1.2(f) Cetakan <i>Emboss</i> .....	206
5.1.2(g) Cetakan <i>Transfer Image</i> .....	207
5.1.2(h) Cetak Konvensional .....	207
5.2 Kesimpulan .....	208
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan.....	209



## **SENARAI RAJAH**

### **Halaman**

Rajah 2.1	<i>Elements in Printmaking by Milot .....</i>	19
Rajah 3.2	Pakar Akademik Seni Cetak .....	110
Rajah 3.3	Pakar Profesional Seni cetak Malaysia .....	113
Rajah 3.4	Pengkaji/Penyelidik Muda Seni cetak .....	113
Rajah 3.5	Teori ‘style’ oleh Mayer Shapiro .....	117
Rajah 3.6	<i>Theories of Iconography and Iconology by Erwin Panofsky Source: Compiled based on Panofsky, 1939, p.14-15 .....</i>	119
Rajah 3.7	Kerangka Kajian .....	120
Rajah 3.8	Adaptasi kerangka kajian gabungan <i>History of Style dan Theory Of Style</i> .....	121
Rajah 3.9	Senarai Data Karya Kajian 1990-2010 .....	124

## SENARAI PLAT

	<b>Halaman</b>
Plat 2.1	Hak eksklusif untuk penulisan nombor ..... 21
Plat 2.2	Tanda tangan pengkarya dan juga penulisan ‘ <i>impressit</i> ’ (Imp.) bagi pembantu pengkarya ..... 22
Plat 2.3	Garisan pada blok menandakan penamatan pada edisi karya ..... 23
Plat 2.4	<i>Brick from the Tower of Babel, Blockprint. Babylon,</i> 604 -562 BC ..... 27
Plat 2.5	Cop yang digunakan oleh Raja Naran-Sin dan merupakan raja pertama menggunakan blok untuk cetakan ..... 28
Plat 2.6	<i>Block print in Japanese on paper</i> , Nara, Japan, 764-770, 1 scroll, 6x45 cm, 31 columns, (5x36 cm), 5 characters per column in <i>Chinese book script, inside a wooden 3-storey pagoda</i> ..... 29
Plat 2.7	Cetakan kayu atas kertas ‘Diamond Sutra’ 868 A.D. yang dijumpai oleh Sir Marc Aurel Stein in 1907 di Gua Thousand Buddhas ..... 30
Plat 2.8	Replica of <i>Gutenberg’s printing press at the International Printing Museum</i> , Carson, California ..... 32
Plat 2.9	Juhari Said, <i>Congkak – congkak dan Untitled</i> ..... 70
Plat 2.10	Abdul Mansoor Ibrahim, Jawi 2 dan Do Not Disturb ..... 72
Plat 2.11	Jamil Mat Isa, Bawang Putih Bawang Merah dan Celebrating ..... 74
Plat 2.12	Samsudin Wahab, The Cameraman dan The Monument of The Young Soul ..... 76
Plat 2.13	Faizal Suhif, Fossil dan Kemarau dan Kura-kura ..... 78
Plat 2.14	Stephen Menon, Mahathir dan Sudirman - Saya Anak Malaysia ..... 79
Plat 2.15	Sabihis Apandi, Self Portrait dan Bettle ..... 81
Plat 4.16	Zulkifli Yusoff, Power I, Mixed Media, Variable Dimension, 1991 .. 144
Plat 4.17	Chew Teng Beng, Love U - We Forgive U, Paper Cast, 81 x 109cm, 2010 ..... 146
Plat 4.18	Ponirin Amin, ‘Glory’ Printage/ Mixed, 38cm x 32xm 1994 ..... 148
Plat 4.19	Bahaman Hashim, ‘D.I.Y’, Serigraphy of Polyester fabric, 150cm x 310cm 1995 ..... 149

Plat 4.20	Long Thien Shih, ' <i>The link Up</i> ', Stencil Collography 100cm x 100cm 1995 .....	150
Plat 4.21	Romli Mahmood, 'Monument from the Sea II', Wood cut/paper relief 60cm x 60cm 1995.....	152
Plat 4.22	Mohd Suhaimie Tohid, 'Dalam Seminit Siri III', Serigraphy (4 Colour Process), 60cm x 110cm 1993.....	153
Plat 4.23	Ahmad Fuad Osman, ' <i>The Dream of Medicine Man</i> ', <i>etching</i> , 31 x 23.5 cm, 1991.....	154
Plat 4.24	Juhari Said, Ungu Berbaju Kurung, Cetakan Lino, 49 x 57 cm 1992.....	157
Plat 4.25	Jamil Mat Isa, Si Tampok Manggis #8, Sutera Saring 69 x 52 cm, 1996.....	160
Plat 4.26	Loo Foh Sang, <i>Flying Up, Paper Cut Intaglio</i> , 43 x 52cm, 1997.....	162
Plat 4.27	Juhari Said, Katak Hendak Menjadi Lembu, <i>Woodcut</i> , 73 X 54 cm .....	164
Plat 4.28	Loo Foh Sang, <i>The Grand Happy Day</i> , Etching 37 x 51 cm 1997.....	166
Plat 4.29	Ilse Noor, Istana Ajaib, Etching, 14.5 x 9.5 cm, 2000.....	167
Plat 4.30	Hazrul Mazran, <i>Print on Cement</i> , 74 X 119 cm, 2003.....	169
Plat 4.31	Raduan Man, <i>Red Bull</i> , <i>Woodcut on Canvas</i> , 43x61cm, 2004.....	171
Plat 4.32	Izan Tahir, Face of Grey, Papier Mache-Lino print On Silver foil, Variable Size Approx. 152x122cm, 2008.....	173
Plat 4.33	Kim Ng, In Preserving and Conservation Of, Plaster Cast from Silkscreen Print, 30.5x92.5x6.5cm Each (3 Blocks), 2008.....	175
Plat 4.34	Shahrul Jamili, Making Sense Can Sometimes Get Out of Hand, Cement Cast, Variable Size, 2008.....	176
Plat 4.35	Juhari Said, Untitled, Earthworks, Variable Saiz, 2009.....	177
Plat 4.36	Zulkifli Yusoff, Merdeka 57, Mixed Media, 2009, 914 x 244 x 244 cm.....	179
Plat 4.37	Rosmasnisa Mat Desa, Mixed Traditional V, Silkscreen, 37x58cm, 2009.....	180
Plat 4.38	Nadia Ahmad Kamal, Telinga Karipap, Etching, 2009 – 15 edisi.....	182
Plat 4.39	Yim Yen Sum the Conversation I, Transfer print on rice paper, 175 x 163cm, 2009.....	183

Plat 4.40	Chong Kean Foong, After School, Digital Print on Special Paper, 90 x 120 cm, 2009.....	185
Plat 4.41	Abdul Mansoor Ibrahim, Do Not Disturb, Mix Media, Variable Dimension, 2010.....	186
Plat 4.42	Ahmad Noor Rashidi Salleh, Generasi I - 3+3=6, Digital Print, 46 x 46 cm, 2010.....	188
Plat 4.43	Faizal Suhif, Hijau Dan Terbakar, <i>Water Colour &amp; Cement Cut</i> , 48 x 39 cm, 2010.....	189
Plat 4.44	Ishak Ramli, Buju Kurung Lelaki, <i>Cloth</i> , 116 x 65cm, 2010.....	190
Plat 4.45	Mohd Fadli Mokhtar, Ssshhh....! <i>Giving Birth to a Child Is Easier Than Worrying About It...., Woodcut on Canvas, Stenciling &amp; Oil Paint</i> , Variable Size, 2010.....	192
Plat 4.46	Khairul Zikri Abdullah, Hitam.....	193
Plat 4.47	Noriza Arzain, <i>I Need a Space</i> .....	195
Plat 4.48	Samsu Mohamad, Pakai Buang.....	196
Plat 4.49	Kim Ng, <i>Bouquet for Nature</i> .....	197

# **SENI CETAK DI MALAYSIA DALAM ERA PLURALIS: DARI TAHUN 1990**

**SEHINGGA 2010**

## **ABSTRAK**

Sekitar 1990 telah memperlihatkan satu penularan ideologi yang tidak lagi mengikut aturan dan membenarkan apa sahaja yang dilakukan dalam penghasilan karya seni yang dikenali sebagai era pluralis. Era ini merupakan satu perkembangan yang lebih menekankan kepada pemberian makna dan mengaplikasikan penggunaan teknologi. Selain itu kegunaan bahan tersedia ada diolah dalam bentuk instalasi dengan meminjam konsep cetakan terhadap barang tersebut, telah memberi nafas baru dalam seni cetakan. Kerancakkan penghasilan karya cetakan yang memfokuskan kepada pinjaman definasi cetakan secara berulang dan konsep pindahan menjadi fokus utama dalam perkembangan era pluralis ini. Oleh yang demikian objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan seni cetakan dalam era pluralis, menganalisa ciri-ciri karya seni cetakan hasil daripada pengaruh era pluralis dan mentafsir karya seni cetakan dalam era pluralis terhadap bentuk, kandungan dan kontaks. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan sejarah seni berdasarkan data primer dan sekunder. Bagi melancarkan kajian ini dua kaedah diguna pakai iaitu kaedah pengumpulan data dan menganalisis data yang diperolehi. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji telah membahagikan kepada dua fasa iaitu fasa 1 melihat kepada kajian literatur, dianalisis dan membentangkan topik penyelidikan. Bagi fasa 2, kajian dijalankan bagi mengenalpasti pengkarya yang menghasilkan karya cetakan melalui ciri-ciri era pluralis dan dianalisis karya bagi menentukan tema, bentuk, teknik, kandungan dan gaya. Analisis kajian ini menggunakan teori yang diasaskan oleh Erwin Panofsky bagi

menganalisa tentang formalistik dan Meyer Schapiro untuk menganalisa tentang kontekstual. Antara faktor perkembangan seni cetakan dalam era pluralis ini didokongi oleh pendidikan, institusi, galeri dan pengumpul seni disamping perkembangan teknologi masa kini yang semakin berkembang.

# **PRINTMAKING IN MALAYSIA IN THE PLURALIST ERA: FROM 1990**

**UNTIL 2010**

## **ABSTRACT**

Around 1990 has shown an ideological contagion that no longer follows the rules and allows anything to be done in the production of artwork known as the pluralist era. Development in this era emphasizes by giving meaning and applying the use of technology. In addition, the advantage of available materials will be processed in the form of installations by borrowing the concept of printing for the item, which has given new breath to the art of printing. The acceleration of the production of print works that focus on repeatedly borrowing the definition of print and the concept of transfer is the focus in the development of this pluralist era. Therefore, the objective of this study is to identify the factors that influence the development of print art in the pluralist era, analyze the characteristics of print art because of the influence of the pluralist era and interpret the print art in the pluralist era in terms of form, content and contact. This research uses qualitative methods with an art history approach based on primary and secondary data. To launch this study, two methods were used, namely the data collection method and analyzing the data obtained. For the data collection method, the researcher has divided it into two phases, phase 1 looks at the literature review, analyzed and presented the research topic. For phase 2, a study was conducted to identify artists who produced printed works through the characteristics of the pluralist era and analyzed the works to determine the theme, form, technique, content and style. The analysis of this study uses the theory founded by Erwin Panofsky who will analyze the formalistic and Meyer Schapiro to analyze the contextual. Among the factors of the development

of print art in this pluralist era is supported by education, institutions, galleries and art collectors in addition to the development of current technology that is growing.

## **BAB 1 PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang**

Perkembangan sejarah seni cetak di Malaysia wujud sekitar tahun 1900an hasil daripada penghijrahan orang China ke Malaysia pada ketika itu. Menurut Siti Melorinda Khuzaina Sakdudin (2018), penghijrahan orang China ini telah memberi satu nafas baru kepada bidang pendidikan seni cetak di Tanah Melayu khususnya. Antara pelopor seni cetak di Malaysia pada ketika itu ialah Chuan Thean Teng yang telah mula menghasilkan seni cetak kayu di atas permukaan kertas. Pada permulaannya, penghasilan karya beliau lebih kepada menggambarkan tentang portrait, keindahan dan kegiatan aktiviti masyarakat setempat seperti karya bertajuk '*Potrait*', '*Break Time*' dan '*Go to Market*'. Ketiga-tiga karya ini telah menjadi titik tolak dalam perkembangan penghasilan karya seni cetak di Malaysia.

Bertitik tolak daripada penularan seni cetak yang dibawa dari China ini setelah mengecapi kemerdeka Tanah Melayu, kerajaan telah mengiktiraf seni sebagai salah satu bidang yang penting dalam pembangunan negara dan telah mula menawarkan biasiswa kepada seniman-seniman dalam negara untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara. Antara seniman terdahulu yang ditawarkan ialah Lee Joo For 1957, Chew Teng Beng, Latiff Mohidin, Ismail Zain dan ramai lagi. Sekembalinya mereka ke tanah air, mereka ini telah menjadi tenaga pengajar di institusi-institusi pendidikan negara. Hasil pendedahan dari luar negara, seni cetak Malaysia telah mulai berkembang sehingga pada 1990an perkembangan seni cetak Malaysia telah mengalami satu anjakan yang begitu drastik dalam penghasilan

seni rupa tanah air dengan kepelbagai pameran seni cetak yang khusus telah diadakan. Antaranya pameran yang telah diadakan ialah Pameran Retospective oleh Ilse Noor dan Graphic Print Exhibition 1990, Pameran solo Juhari Said (Kilimanjaro in Nagasaki) dan *Step by Step* 1995, *Third World Triennale of miniature Print Exhibition* 1996 di Galeri Petronas dan Pameran Grafika di Balai Seni Lukis Negara serta banyak lagi pameran yang mengkhususkan pada karya seni cetakan. Selain itu terdapat juga kategori khas bagi karya seni cetakan yang telah dianjurkan oleh Balai Seni Lukis Negara, Galeri Shah Alam dan Usaha Tegas Heritage *Art Competition*. Antara pameran yang begitu ketara dalam ekplorasi baharu terhadap seni cetak adalah pameran *Alternative Print* 1995, pameran kumpulan Grafika 1996, pameran Go Block 2009 dan pameran Alternatif Ketumbukan 2010 yang telah menampilkan kelainan daripada kebiasaan dalam penghasilan karya seni cetak.

Mulyadi Mahamood (2001), fenomena ekplorasi yang berlaku pada 1990an ini dikenali sebagai era pluralis di mana merujuk kepada kepelbagaiannya stail, pendekatan dan memberi makna kepada karya yang dihasilkan berbanding sebelumnya yang lebih merakamkan tentang keindahan persekitaran. Dalam era pluralis ini, perkembangan terhadap ilmu pengetahuan dan teknologi telah diserapkan dalam penghasilan karya. Tidak terlepas dengan perkembangan era pluralis ini, perkembangan seni cetak Malaysia kini seakan-akan telah mendapat suntikan baru dalam penghasilan karya seni cetak yang bebas dari kongkongan konvensional. Antara pengkarya terawal yang melakukan satu tranfomasi penghasilan karya bersifat alternatif menurut Mulyadi Mahmood (2001) dan Mazlan Karim (2012) serta Jamil Mat Isa (2018) adalah Ponirin Amin di mana beliau telah menghasilkan beberapa karya beliau bersifat hibrid iaitu menggunakan kaedah gabungan diantara cetak konvensional dan cetakan digital. Gabungan kedua-dua teknik ini telah menampakkan satu

transisi baru dalam perkembangan seni cetakan dimana aplikasi perkembangan teknologi digital dan pengkomputeran dalam penghasilan karya.

Mengikut Hariyanto (2012) era pluralis ini juga dikenali sebagai era posmodern yang telah menghasilkan kepelbagaian dalam penghasilan karya seni khususnya. Manakala bagi Gablik (1988), pluralis merupakan satu era di mana berlakunya penghapusan kepada aturan secara konvensional dan membawa satu ideologi kepada apa-apa kegiatan boleh dilakukan. Selain itu, beliau menyatakan lagi bahawa era pluralis ini telah mengakibatkan pemendekkan sejarah gaya dalam seni.

Kepelbagaian yang dimaksudkan oleh Hariyanto dalam penghasilan karya seni ialah meliputi dari segi teknik, media dan sebagainya. Selain itu era pluralis ini juga telah memberi satu tekanan yang kuat terhadap stail, pendekatan dan makna terhadap karya yang dihasilkan. Ini bermakna penghasilan karya pada era ini tidak lagi merujuk kepada hal-hal peribadi tetapi keterbukaan kepada aktiviti dan senario yang tercetus dalam kehidupan seharian masyarakat. Malahan menurut Arthur Danto (1997), era pluralis ini merupakan satu keadaan baharu dalam penghasilan karya dimana memperlihatkan kepada tiada satu pemisah yang membezakan diantara karya seni dengan peralatan seharian. Penggunaan bahan seharian dalam penghasilan karya telah menimbulkan satu permasalahan dalam membezakan diantara karya seni dengan kegunaan seharian. Bagi Hariyanto (2012), gejala penggunaan atau peminjaman bahan seharian dalam penghasilan karya ini merupakan satu titik pengakhiran bagi sejarah seni rupa kerana keindahan atau nilai estetik dalam penghasilan karya itu akan hilang. Hal ini disebabkan oleh apa yang telah diperkatakan oleh Joseph Beuys (2012) berkenaan ‘setiap manusia adalah seniman’, tanpa kreativiti dan bakat seseorang itu boleh

menghasilkan karya dan Danto (1999) ‘penciptaan karya seni boleh dilakukan dengan apa-apa cara’ tanpa merujuk kepada asas penghasilan secara konvensional.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Menurut Piliang (2003), era pluralis merupakan tunjang utama bagi postmodern yang mana meraikan kemajmukkan dan memberi penghormatan terhadap semua benda dalam penghasilan sesuatu benda atau karya. Manakala bagi Gablik (1988) era pluralis adalah sebuah era yang mempunyai kesamaan dengan postmodern di mana merujuk kepada pemendekkan proses dalam menghasilkan sesuatu secara drastik dengan penghapusan peraturan dan memberi isyarat bahawa apapun dibolehkan dalam penghasilan karya. Dalam dunia seni lukis menurut Hariyanto (2012), era pluralis diklasifikasikan sebagai sebuah era kepelbaaan yang mana telah dicampuradukkan dengan bahan-bahan sehari-hari dalam menghasilkan karya seni yang telah menyukarkan para pemerhati dunia seni membezakan diantara karya seni dengan alatan kegunaan sehari-hari.

Di Malaysia perkembangan seni cetak telah mengalami satu perubahan baru hasil daripada perkembangan era pluralis ini dengan memperlihatkan kepada stail, pendekatan dan makna yang digunakan dalam menghasilkan karya seni cetakan seperti yang diperkatakan oleh Mulyadi:

*“...era pluralis merujuk kepada perkembangan seni lukis Malaysia pada tahun 1990 yang kaya dengan stail, pendekatan dan makna.”*

(Mulyadi mahamood, 2001)

Menurut Wan Abdul Kadir pula era pluralis ini merupakan sebuah era di mana

*“...era pluralis merujuk kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi moden.”*

(Wan Abdul Kadir, 2000)

Manakala menurut Arthur Danto (1997), penghasilan karya dalam era pluralis ini telah membuka satu keadaan baru yang memperlihatkan kepada tiada satu pemisah yang membezakan di antara karya seni dengan peralatan sehari-hari. Bagi Arthur Danto, keadaan ini telah menamparkan satu pengakhiran sejarah seni rupa yang berpegang kuat pada tradisi dan tuturcara penghasilan karya seni sebelum ini. Beliau telah menyatakan beberapa contoh seperti apa yang dilakukan oleh Andy Warhol dalam karya beliau *Brillo Box* dan juga Marcel Duchamp. Dengan transisi seni tradisi atau konvensional kepada seni era pluralis telah memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan seni cetak di Malaysia. Pelbagai perubahan telah berlaku dalam seni cetak di mana era ini telah melahirkan kepelbagai eksplorasi terhadap bentuk dan gaya dalam penghasilan karya seni cetak. Setelah penularan era pluralis 1990 dalam penghasilan karya seni cetak ini, ia telah menunjukkan satu perkembangan positif dengan julung kalinya sebuah pameran yang telah memecahkan definisi seni cetak konvensional iaitu pameran ‘*Alternatif print*’ 1995 yang telah dianjurkan oleh di Galeri Petronas yang ditunjangi oleh Bahaman Hashim dan Ponirin Amin. Daripada pameran ini, pelbagai tafsiran telah berlaku terhadap definisi seni cetak bagi mengeluarkan seni cetak konvensional dari terbelenggu oleh peraturannya. Selain itu dengan keterbukaan dalam penghasilan karya seni cetak ini telah memberi satu kesan yang mendalam dalam perkembangan seni cetak Malaysia terutamanya di peringkat institusi pengajian tinggi yang

sebelum ini lebih berpaksikan kepada seni cetak konvensional yang mengamalkan peraturan penghasilan karya. Era pluralis ini telah membuka minda dan silibus di peringkat pengajian supaya penghasilan karya pelajar lebih kreatif dan inovatif dalam penggunaan imej yang merujuk kepada perkembangan ilmu dan bahan (teknologi) dalam penghasilan karya seni cetak terutamanya.

Jika dilihat eksplorasi terhadap seni cetak di Malaysia tidak terhenti setakat pameran Alternatif 1995 ini sahaja malah ia diteruskan oleh sebuah kumpulan kolektif diketuai oleh Juhari Said yang memberikan satu impak yang besar terhadap seni cetak Malaysia iaitu pameran *Go Block* 2009 yang mana pameran ini lebih mengutamakan kepada eksplorasi dan penghasilannya tidak mengikuti peraturan seni cetak asli dengan hanya meminjam konsep cetakan sahaja bagi menghasilkan karya kreatif mereka.

*“...GO BLOCK cuba menerokai perkembangan medium seni cetak ketika ia sedang memikirkan semula kedudukan sebagai sesuatu bentuk seni yang sah dalam konteks kontemporari di mana ia bebas daripada bentuk dan format tradisionalnya.”*

(Tengku Nasariah Tengku syed Ibrahim, 2008)

Tidak terhenti di situ, terdapat satu lagi pameran seni cetak Alternatif telah diadakan di Muzium Galeri Tengku Zahirah Universiti Sains Malaysia (USM) yang banyak memperkenalkan kepelbagaiannya olahan teknik cetakkan dalam sejarah seni cetak Malaysia. Pameran ini bertemakan ‘Ketumbukan’ telah mengetengahkan idea-idea baru yang lebih banyak lagi ekplorasinya terhadap teknik dalam penghasilan seni cetak. Menurut Safrizal Shahir:

*“...pameran ini memberi penekanan kepada usaha memberi wajah, watak atau sifatnya yang lain, berbeza atau baru.”*

(Safrizal Shahir, 2010)

Selain itu, mengikut Juhari said dalam pameran Go block III (2018) dalam diskusi beliau bersama Shahrul Jamili, Samsudin Wahab Dan Faizal Suhif di Galeri G13 menyatakan:

*“...Cetakkan telah wujud dalam kegiatan sehari-hari masyarakat melayu dengan penghasilan beberapa alat seperti sarang kuih putu, kuih loyang dan penghasilan jala juga merupakan cetakan dengan mengambil kira kepada pengulangan yang boleh dilakukan.”*

(Juhari Said, 2018)

Kenyataan yang diperkatakan oleh Juhari Said ini sama seperti apa yang telah diperkatakan oleh Arthur Danto (1997) di mana selepas penularan era pluralis, kegiatan harian yang mempunyai konsep penghasilan karya seni dan dipamerkan secara eksklusif diangkat sebagai sebuah karya seni.

Kesimpulannya, kajian ini dilakukan bagi melihat kecenderungan baru penghasilan karya hasil daripada penularan era pluralis yang mengakibatkan keberagaman dalam seni cetak Malaysia. Seperti apa yang diperkatakan oleh Jolly Koh (2007) yang mana penghasilan karya di Malaysia kini merujuk kepada karya barat yang memegang kepada falsafah gablik (1988) tentang segalanya boleh dianggap sebagai karya seni seperti

penggunaan alatan *readymade* dan alatan kegunaan harian dalam penghasilan karya seni cetakan dalam era pluralis.

### 1.3      **Objektif Kajian**

Objektik kajian dalam penyelidikan ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan seni cetakan dalam era pluralis.
2. Menganalisa ciri-ciri karya seni cetakan hasil daripada pengaruh era pluralis.
3. Mentafsir karya seni cetakan dalam era pluralis terhadap bentuk, kandungan, konteks dan gaya.

### 1.4      **Persoalan Kajian**

- a. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan seni cetak Malaysia dalam era pluralis?
- b. Apakah ciri-ciri karya seni cetak yang mendokong kepada era pluralis ini?
- c. Apakah pendekatan era pluralis, teknik, media dan tema yang digunakan oleh pengkarya seni cetak era pluralis?

## 1.5 **Batasan Kajian**

Dalam kajian ini beberapa faktor utama batasan kajian telah diambil kira bagi melancarkan kajian ini iaitu:

a. Batasan masa

Batasan masa ini merujuk kepada rujukan karya yang dijadikan sebagai bahan kajian iaitu terhadap data yang diinterpretasi. Data ini diperolehi melalui katalog pameran dan karya cetak koleksi peribadi pelukis yang dihasilkan dari 1990 sehingga 2010 disebabkan oleh penularan era pluralis yang telah memberi ruang-ruang alternatif dan perkembangan penghasilan karya yang menerapkan elemen campuran dalam seni cetakan. Kajian ini melihat kepada apa yang diperkatakan oleh Andy Warhol dan Danto (1999) tentang apa-apa boleh dilakukan bagi mendapatkan hasil karya seni yang mempunyai kelainan dari kebiasaan. Selain itu pendekatan masa ini juga merujuk kepada tiga pameran utama seni cetak yang lain dari kebiasaan cetakan iaitu merujuk kepada pameran Alternatif Print 1995, pameran Go Block 2009 dan Alternatif Print (ketumbukan) 2010 disamping karya cetakan yang dihasilkan dalam pameran campuran dengan disiplin lain.

b. Batasan tempat

Kajian ini melibatkan Balai Seni Malaysia, Muzium Tengku Fauziah USM dan galeri-galeri swasta di sekitar Lembah Klang. Selain itu, batasan tempat kajian

juga melibatkan studio-studio pengkarya seni cetak yang aktif menghasilkan karya seni cetak pada masa kini.

c. Batasan pakar bidang

Bagi kajian terhadap batasan pakar bidang ini melibatkan enam orang yang terdiri daripada bidang akademik, professional iaitu orang yang menjadikan seni cetak sebagai satu kerjaya dan juga penyelidik atau pengkaji yang aktif dalam bidang seni cetak.

d. Batasan kandungan

Batasan kandungan kajian ini memfokuskan terhadap karya seni cetak dalam era pluralis 1990 - 2010.

### **1.6      Kaedah Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan mengambil pendekatan bersifat *historikal*. Dalam mendapatkan maklumat yang tepat, kajian dilakukan secara karja lapangan dalam situasi yang sebenar. Pengumpulan data-data sekunder dilakukan melalui katalog-katalog pameran, buku-buku rujukan, dokumen-dokumen rasmi serta karya-karya seni cetak dalam era pluralis kerana kaedah ini dianggap penting dalam mendapatkan gambaran yang jelas seperti apa yang dikatakan oleh Bonie L. Yegidis dan

Robert W. Weinbach (1999) serta Bogdan dan Biklen (1992) tentang kaedah yang tepat dalam mendapatkan maklumat secara terperinci.

Melalui kajian kualitatif juga menurut Berg (1989) para pengkaji akan mendapatkan maklumat tentang makna, konsep, definisi, perlambangan simbol dan interpretasi terhadap sesuatu subjek atau benda. Dalam pendekatan yang digunakan ini, pencarian data secara sahih ataupun (*working hypothesis*) lebih penting daripada membuat andaian sebelum kajian dilakukan seperti apa yang diperkatakan oleh Sulaiman Shamsuri (2005) tentang perolehan sumber data melalui sesi temubual atau dikenali sebagai data utama.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, tidak banyak penulisan yang didokumenkan yang memperlihatkan kepada kesan pengaruh era pluralis ini terhadap perkembangan seni cetak Malaysia. Penyelidikan yang dilakukan ini berharap dapat memberi satu panduan yang jelas dalam menghuraikan tentang seni cetak Malaysia dalam era pluralis yang ditunjangi oleh perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi moden seperti yang di perkatakan oleh Hariyanto (2012) dan Wan Abdul Kadir (2000).

Manakala dari segi pendidikan pula dengan memetik kata yang diperkatakan oleh Mustafa Mohd Ghazali pada Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual 2000 melalui pandangan Eisner 1989 tentang ketepuan dalam penemuan baharu dalam hubungkait diantara karya seni dan teknologi dalam memperkasakan pendidikan seni itu senidiri:

*“Pendidikan seni visual tidak berkembang dalam kurikulum sekolah disebabkan oleh sistem penilaian dan penemuan-penemuan baru yang menunjukkan kepentingannya terhadap sistem Pendidikan.”*

(Eisner, 1989)

Dengan kajian yang dilakukan tentang seni cetak Malaysia dalam era pluralis ini dapat membantu bagi merancakkan perkembangan seni khususnya dalam mewujudkan percambahan idea-idea baru melalui bentuk, gaya dan eksplorasi yang dilakukan terhadap penghasilan karya melalui suntikan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi masa kini.

## **BAB 2 KAJIAN LAMPAU**

### **2.1 Pengenalan**

Bab dua ini membincangkan tentang kajian lampau yang berkaitan seni cetak secara kronologinya dari bermula cetakan sebagai sebuah alat komunikasi sehingga cetakan diiktiraf sebagai sebuah karya seni dan penularan era pluralis yang membawa suatu perubahan baru dalam proses penghasilan serta persembahan karya cetakan. Pendefinisan seni cetak konvensional atau '*original printmaking*' dan seni cetak alternatif dalam era pluralis dikupas secara mendalam berdasarkan teori-teori daripada pengkaji-pengkaji seni (filosofi) bagi memudahkan proses pengkajian dilakukan. Dalam bab ini juga kajian melihat kepada bagaimana pengaruh era pluralis yang telah mengakibatkan transformasi terhadap seni cetak di Malaysia ke sebuah dimensi baru dalam penghasilan karya.

### **2.2 Pemahaman Seni**

Sebelum kajian literatur dijalankan secara mendalam terhadap seni cetak, pemahaman secara kronologinya kewujudan seni di dalam cetakan komunikasi yang telah membawa kepada sebuah karya yang mempunyai nilai dalam masyarakat. Menurut Budirman (2012) perkembangan seni berlaku seiring dengan perkembangan kehidupan manusia di dunia ini. Ia hadir dalam pemikiran dan perasaan yang wujud di dalam budaya manusia. Pada satu ketika dahulu, seni bukanlah sesuatu yang disedari kewujudannya dalam kehidupan seharian berbanding dengan masyarakat maju kini yang sedar tentang kewujudan seni sebagai salah satu elemen penting dalam membantu perkembangan sesebuah negara.

Oleh yang demikian, kini seni telah menjadi satu ilmu yang dituntut oleh masyarakat dan sesuatu yang difikirkan bagi memahaminya.

Jika dahulu seperti masyarakat primitif zaman purba penghasilan seperti alatan pemotong dan memburu yang dihasilkan hanyalah sebagai salah satu alatan berfungsi fizik yang tidak mempunyai nilai dari segi estetik. Tetapi lama kelamaan setelah mengalami perubahan zaman, alat-alatan ini diberi nafas baru dengan dihiasi dan diperelokkan penghasilannya. Oleh itu, dari sebuah alatan yang bersifat fungsional telah bertukar kepada sebuah alatan yang difikirkan dan telah wujud dalam perasaan manusia tentang nilai. Apabila sesebuah alatan itu wujud dalam pemikiran dan perasaan maka wujudlah unsur-unsur seni kepada alatan tersebut. Dengan ini Budirman dalam penulisannya menyatakan:

*“Sebuah karya seni bukanlah sebuah fungsional untuk memenuhi kehendak fizik manusia. Tetapi seni bertujuan memenuhi tuntutan jiwa manusia, iaitu tuntutan untuk mengungkap sesuatu.”*

(Budirman, 2012)

Herbert Read dalam bukunya *The Meaning of Art* (1972), menyatakan bahawa seni merupakan sesuatu benda yang manusia melihat atau sesuatu yang realiti kewujudannya. Oleh yang demikian dalam buku beliau ‘Art’ tulisan Eugene Johnsons:

*“...however, as most commonly used today, art means the visual arts, those of artistic creativity that seek to communicate primarily through the eye.”*

(Eugene Johnsons, 1972)

Jelaslah kini, seni merupakan sesuatu apa yang dilihat pada mata kasar yang menghubungkan dengan apa yang difikirkan oleh seseorang.

Bagi menjelaskan tentang pengertian seni secara mendalam lagi terdapat beberapa hujah yang telah dilontarkan oleh ahli akademik seni seperti James T. Saw (2001) di mana beliau telah meletakan tiga klasifikasi utama dalam mendefinasikan tentang seni. Bagi tahap pertama yang beliau gariskan adalah bagaimana sesebuah karya seni dapat berkomunikasi dengan manusia. Ini merupakan tahap yang paling tinggi di mana pengkarya dapat menghasilkan sebuah karya yang mempunyai maksud di sebalik pengkaryaan. Pada tahap kedua yang telah dinyatakan oleh James ialah sebuah karya yang bersifat sebuah karya yang menarik penuh dengan nilai estetika. Manakala tahap yang ketiga dan paling umum yang dinyatakan oleh James ialah berkaitan dengan kemahiran atau keterampilan sesebuah karya yang dihasilkan.

### **2.3 Definisi Cetakan**

Secara umumnya cetakan merupakan sebuah alat yang berteknologi ketika masa tersebut dalam penghasilan gambar dan tulisan dalam kuantiti yang banyak (edisi). Perkataan seni cetak atau seni grafis merupakan berasal daripada perkataan Yunani iaitu ‘*graphein*’ yang membawa maksud kepada menulis. Sebagai contohnya ‘*lithography*’ (*lithos* bermaksud batu manakala *graphy/graphein* bermaksud menulis). Dengan itu, kini pelbagai definisi telah diterjemahkan dengan kata kuncinya ialah cetak atau mencetak ke atas apa-apa sahaja permukaan.

Pada awalnya, teknik cetakan merupakan sebuah teknik penghasilan cetakan secara reproduksi ataupun bersifat komersil. Dengan penggunaan satu blok dapat menghasilkan banyak edisi tanpa mempunyai limitasi dalam mencetak. Setelah sekian lama teknik ini berada dalam kalangan reproduksi, terdapat segelintir seniman ingin mengangkat teknik ini kepada satu peringkat yang lebih tinggi dengan menjadikannya sebagai sebuah karya seni cetak.

Marianto (1988) mendefinisikan seni cetak sebagai sebuah cetakan bersifat dua dimensi yang lahir dari teknik pindahan imej dari blok yang dihasilkan oleh pengkarya seperti lukisan. Penyataan ini disokong oleh Budiwirman (2008), yang mana beliau menyatakan bahawa seni cetak juga sebuah cetakan yang bersifat dua dimensi di tambah dengan kreativiti pengkarya menghasilkan karya. Ini bermakna, penghasilan karya seni cetak haruslah menggabungkan kepakaran dalam menguasai teknik penghasilan dan juga kreativiti penghasilan. Menurut beliau lagi, penghasilan seni cetak terbahagi kepada tiga bahagian utama dalam penghasilan karya iaitu:

1. Penghasilan lakaran; Penghasilan design ini dilakukan di atas permukaan kertas yang mana pengkarya harus merancang dalam penghasilan karya sebelum lakaran ini dipindahkan ke atas permukaan blok sama ada melalui proses pindahan dengan menggunakan bahan *chemical (Thinner)* ataupun secara manual.
2. Penghasilan blok; penghasilan blok ini melibatkan:
  - a. Mengukir permukaan blok
  - b. Menghasilkan gambar pada permukaan cetakan lithography
  - c. Menutup sebahagian blok bagi cetakan sutera saring/serigraphy.

- d. Menghasilkan garisan atau memasukan blok/plat ke dalam asid bagi mewujukkan garisan dan kesan tekstur pada permukaan blok.
3. Penghasilan cetakan; pemindahan imej dari blok ke atas permukaan lain yang melibatkan tekanan dengan meletakkan dakwat pencetak dipermukaan atau di dalam blok. Bagi proses tekanan ini, alat yang selalu digunakan ialah seperti *baren*, senduk kayu, *etching press* dan sebagainya bagi membantu memberi tekanan yang sekata ketika pemindahan dakwat ke atas permukaan lain.

Dalam tiga tahap penghasilan karya yang dinyatakan oleh Budiwirman (2008) ini, tahap kedua merupakan tahap yang paling penting dalam penghasilan seni cetak ini iaitu tahap dalam menghasilkan blok. Penghasilan blok oleh tangan pengkarya ini akan menjadikan sesebuah karya itu berada dalam posisi karya asli. Bagi tahap ketiga, amalan di negara seperti Jepun, sesetengah pengkarya akan menggunakan pembantu dalam menghasilkan edisi.

Manakala bagi Castleman (1980), seni cetak merupakan satu seni yang boleh menghasilkan cetakan dalam bentuk edisi melalui plat/blok. Plat atau blok yang digunakan mestilah bersifat rata dan keras yang membolehkan penghasilan imej di atas plat tersebut. Selepas itu bagi memindahkan imej dari blok, tekanan terhadap blok yang terdapat dakwat haruslah dilakukan.

Griffiths (1980) pula menyifatkan seni cetak sebagai sebuah pindahan karya dari satu permukaan ke atas permukaan lain. Terdapat empat teknik yang telah digariskan oleh beliau yang menjadikan sesebuah karya itu bersifat seni cetak. Empat teknik yang beliau

gariskan ialah zink plat untuk penghasilan karya cetakan benam (etching), cetakan litho dengan penggunaan permukaan batu, cetakan timbul yang menggunakan permukaan kayu, *plywood* dan juga lino. Teknik yang terakhir yang beliau gariskan ialah cetakan serigraf ataupun cetakan menggunakan sutera saring.

### **2.3.1 Seni Cetak Konvensional**

Menurut Carl Zigrosser (1968) karya cetakan konvensional boleh dibahagikan kepada dua tujuan utama iaitu sebagai sebuah karya bertujuan untuk kegunaan dan sebagai sebuah karya estetik. Seperti pendapat kebanyakan, cetakan bagi tujuan kegunaan ini merujuk kepada cetakan reproduksi (cetakan hasil daripada penggunaan teknologi dan bertujuan sebagai alat komunikasi). Manakala tujuan bagi estetik pula merujuk kepada penghasilan edisi yang terhad bagi menjaga kualiti dan dilakukan bagi memenuhi nilai-nilai estetik dalam seni. Carl Zigrosser juga menganggap seni cetak ini juga sebagai sebuah seni yang mementingkan demokratik yakni seni yang boleh dikongsi dengan ramai orang lain berbanding dengan karya seni-seni yang lain. Kesimpulannya dari pendapat Carl Zigrosser seni cetak merupakan sebuah seni yang mementingkan kepada konsep beredisi. Konsep edisi ini juga disetujui oleh Susan Lambert (2001) dan Rosalind Regands (2005) yang mana cetakan konvensional haruslah melalui tiga fasa utama bagi dalam menjadikan sesebuah cetakan itu dikategorikan sebagai '*original work of art*'. Tiga fasa utama tersebut ialah:

1. Fasa penghasilan blok
2. Proses mewarna blok


3. Pemindahan imej yang diwarnakan keatas permukaan lain.

Manakala Michel Milot (1988) pula mendefinisikan seni cetak sebagai:

*“Transferring it from one surface to another.”*

(Michel Milot, 1988)

Ini menunjukkan beliau amat mementingkan kepada proses pemindahan imej yang terdapat pada sesuatu permukaan atau blok ke permukaan lain barulah ia dianggap sebagai sebuah cetakan. Beliau juga ada menggariskan tiga elemen utama dalam seni cetak:




Rajah 2.1: Elements in Printmaking by Milot

Ishak Ramli (2012) pula mentafsirkan bahawa sesebuah seni cetak harus mempunyai tiga fasa utama dalam menjadikan sesebuah karya itu cetakan asli iaitu fasa penghasilan blok, fasa mencetak atau pemindahan imej dan juga hasil daripada cetakan. Dari segi karekter cetakan pula, beliau menyatakan sesebuah cetakan itu haruslah dalam bersifat *multiple*, boleh di tiru atau *duplicate* dan juga hasil cetakan yang terhasil dari blok.


Tetapi yang paling penting dalam mendefinaskan seni cetak sebagai sebuah karya asli secara rasmi yang telah dibentangkan dan dipersetujui oleh badan yang berautoriti dalam seni cetak ialah dalam satu konferen di '*Third International Congress of Plastic Art*', di Vienna yang telah di bentangkan oleh Gabor Peterdi (1960). Mengikut Lessing J. Rosenwald (1961), beliau telah membuat kesimpulan dari perbentangan tersebut terdapat 5 karekter dalam menentukan sesebuah karya itu cetakan asli:

- 1) Hak eksklusif untuk penulisan nombor pada karya seni cetak. Sebagai contoh yang dipraktiskan pada masa kini menurut Beth Grabowski & Bill Fick (2009) dalam buku '*Printmaking A Complete Guide to Materials & Processes*' penulisan ini terbahagi kepada empat komponen yang penting iaitu *State Proof, Trial Proof, Edition* dan juga *Artist Proof*. Mengikut beliau lagi, kebiasaan penulisan ini ditulis menggunakan pensil di sebelah kiri bawah karya cetakan yang dihasilkan.



*Plat 2.1: Hak eksklusif untuk penulisan nombor*

- 2) Setiap karya haruslah mempunyai tandatangan pengkarya. Seperti dalam buku '*Printmaking A Complete Guide to Materials & Processes*' (2009), merujuk kepada plat 2.2, tandatangan ini merujuk kepada pengkarya yang menghasilkan karya dengan menurunkan tandatangan pada hujung sebelah kanan. Bagi penghasilan edisi yang menggunakan pembantu, pembantu juga boleh menurunkan tandatangan pada karya yang dihasilkan dibawah tandatangan pengkarya dengan menulis perkataan '*Impress*'(imp.)



*Plat 2.2: Tandatangan pengkarya dan juga penulisan 'impressit' (Imp.) bagi pembantu pengkarya*

- 3) Gurisan pada plat yang telah selesai proses menghasilkan edisi. Gurisan pada plat ini amat penting bagi membezakan antara karya dan reproduksi kerana ini membolehkan pembuktian kepada penamatan kepada penghasilan karya seni cetak. Jika gurisan ke atas blok tidak dilakukan ia boleh mewujudkan keraguan dalam penghasilan edisi yang terhad.



*Plat 2.3: Garisan pada blok menandakan penamatan pada edisi karya*

- 4) Cetakan asli adalah karya yang dilakukan sendiri oleh pengkarya. Seperti apa yang diperkatakan oleh Budiwirman (2009), penghasilan seni cetak harus melalui tiga tahap utama iaitu penghasilan design/lukisan, blok dan mencetak. Menurut beliau, tahap kedua paling utama dalam menentukan seseorang itu menghasilkan cetakan asli.
- 5) Sesebuah reproduksi boleh juga diangkat sebagai sebuah karya seni cetak jika kualiti reproduksi yang dihasilkan sangat tinggi mutunya dan dipersetujui oleh penghasilnya untuk menurunkan tandatangan.

Selain daripada 5 garis panduan ini, dalam '*Third international Congress of Plastic Art*' ini juga Gabor Peterdi menggariskan dua syarat utama penolakan dalam penghasilan seni cetak asli dan diklasifikasikan sebagai sebuah cetakan reproduksi:

- 1) Hasil yang dilakukan dengan proses '*photo-mechanical*' walaupun mempunyai edisi yang terhad.
- 2) Hasil cetakan yang meniru hasil karya seni lain dan kemudian di cetak dan dijadikan sebagai karya.

Garis panduan yang dibentangkan oleh Gabor Peterdi ini telah dipersetujui oleh dua badan berautoriti lagi dalam seni cetak dan telah diforumkan dalam *Print Council of America* pada 1961 dan *France National Committee* 1964 dan bersepakat bahawa ini merupakan ciri-ciri dalam mengesahkan karya seni cetak konvensional.

### **2.3.2 Cetakan Kontemporari atau Alternatif**

Menurut Montada (2011) berdasarkan pasca apa yang diperkatakan oleh Walter Benjamin cetakan kontemporari ini dipecahkan kepada tiga bidang utama dalam seni cetak kontemporari iaitu cetakan hibrid atau cetakan gabungan, cetakan menggunakan teknologi dan cetakan digital yang lebih melihat kepada sebuah cetakan bersifat reproduksi.

Manakala bagi Donal Saff & Deli Sucilotto (1978) menyatakan pada abad ke 20, penghasilan cetakan berubah berdasarkan perkembangan teknologi yang melibatkan penggunaan media, teknik dan penggunaan teknologi sebagai bahan tara dalam penghasilan karya seperti komputer dan fotografi.